



SIARAN MEDIA

KPKT SALUR RM18 JUTA BAGI PEMBANGUNAN KOMUNITI YANG MAMPAN DI PULAU PINANG

PULAU PINANG, 11 Jun 2024 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meneruskan siri jelajah Sentuhan Kasih KPKT ke Pulau Pinang pada pagi ini. Sebanyak **RM18 juta** telah diumumkan oleh YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) bagi **pelaksanaan projek-projek di Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang** meliputi aspek pembangunan infrastruktur awam demi kesejahteraan penduduk setempat.

Siri lawatan Sentuhan Kasih KPKT di Pulau Pinang hari ini bermula dengan tinjauan ke projek menaik taraf bumbung, tandas awam dan kerja-kerja yang berkaitan di **Pasar Awam Tasek Mutiara**. Seterusnya meninjau projek menaik taraf tingkat satu **Pasar Awam Bukit Panchor** kepada Dewan Komuniti demi meningkatkan ekonomi dan sosial masyarakat setempat.

KPKT turut melawat projek menaik taraf bumbung di **Flat Kos Rendah Taman Bukit Panchor** yang terdiri daripada 186 unit, jenis kediaman apartmen berkeluasan 900 kaki persegi. Selanjutnya turut berkunjung ke **Landskap Bukit Panchor** bagi meninjau projek pembangunan dan kerja-kerja menaik taraf landskap. Ini adalah selari dengan aspirasi bagi menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah.

Pada akhir siri lawatan KPKT tersebut, YB KM telah hadir melawat **Projek Gelanggang Bola Keranjang Sungai Udang** dan seterusnya menyempurnakan majlis perasmian gelanggang bola keranjang tersebut. Penglibatan KPKT dalam membangunkan prasarana sukan dilihat mampu meningkatkan aktiviti fizikal dan penyertaan sukan dalam kalangan penduduk setempat.

YB KM telah mengumumkan peruntukan sebanyak **RM17,931,284.00** telah disalurkan oleh KPKT ke Negeri Pulau Pinang yang melibatkan pelaksanaan projek-projek seperti berikut:

1. Kerja-kerja mengecat PPR Ampangan, Seberang Perai sebanyak RM500,000;
2. Pembinaan Balai Bomba di Permatang Tinggi sebanyak RM13.8 juta;
3. Penyelenggaraan dan naik taraf jalan, longkang dan lantai keliling dewan di Kampung Baru Sungai Kechil, Seberang Perai Selatan sebanyak RM191,690.00;
4. Pembinaan Gelanggang Bola Keranjang di Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan sebanyak RM300,000.00;
5. Menaik taraf tingkat satu Pasar Awam Bukit Panchor kepada Dewan Komuniti sebanyak RM1 juta;
6. Menaik taraf bumbung Pasar Awam Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan sebanyak RM500,000.00;
7. Menaik taraf landskap dan lain-lain kerja berkaitan di Taman Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan sebanyak RM200,000.00;
8. Menaik taraf sistem perparitan di Taman Seruling Emas, Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan sebanyak RM300,000.00;
9. Menaik taraf tandas awam dan kerja berkaitan di Pasar Awam Bandar Tasek Mutiara sebanyak RM120,000.00; dan
10. Penyaluran peruntukan Inisiatif Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) kepada enam (6) buah RIBI sebanyak RM 1,019,594.00 iaitu;
 - Persatuan Amal Chin Chee Kok - RM109,400.00;
 - Persatuan Kebajikan Nibong Tebal - RM191,851.00;
 - Rumah Berhala Thean Hor Seah Boh Changkat - RM115,600.00;
 - Rumah Berhala Kwong Hock Keong Teik Cheng Sin - RM221,740.00;
 - Rumah Berhala Sri Veeramakaliamman - RM201,003.00; dan
 - Rumah Berhala Hock Teik See Sungai Bakap Seberang Perai Selatan – RM180,000.00

Menurut YB KM, “Peruntukan yang diluluskan oleh KPKT ini adalah **belanjawan berasaskan prestasi** atau “**performance-based budget**”. Ini bagi memastikan

perkhidmatan dan fokus KPKT dalam penambahbaikan infrastruktur awam dapat terus dipertingkatkan serta memastikan bahawa setiap projek tidak hanya memberi manfaat kepada komuniti tetapi juga berdaya maju dari segi ekonomi”.

Turut hadir bersama ialah Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman Bin Taib; EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, YB H'ng Mooi Lye; Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), YBhg. Dato' Mohd Fadzli Bin Mohd Kenali; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai, YBhg. Dato'Azhar Bin Hj Arshad, barisan Pengurusan Tertinggi KPKT serta MBSP.

KPKT melalui jabatan dan agensi di bawahnya akan sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara bagi memastikan agenda pembangunan dan kesejahteraan rakyat di negara ini dapat dibangunkan secara holistik dan berdaya huni.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertawi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

UKK
K P K T